



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KASIHNITA PERKUKUH JARINGAN SOKONGAN DAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL

KUCHING, 19 JULAI 2026 : Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri hari ini merasmikan Program Kasih Ibu Tunggal (KasihniTa) 2026 Peringkat Negeri Sarawak sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkasa golongan ibu tunggal agar lebih berdaya saing, berdikari dan berupaya meningkatkan kesejahteraan keluarga.

Dalam ucapannya, YB Menteri berkata, Program KasihniTa bukan sekadar platform pembangunan kemahiran, malah menjadi medan membina keyakinan diri, memperkukuh daya tahan serta membuka peluang kepada ibu tunggal untuk meningkatkan taraf sosioekonomi melalui ilmu pengetahuan, kemahiran dan jaringan sokongan yang berterusan.

Menurut beliau, berdasarkan Statistik Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), terdapat seramai 341,784 ketua isi rumah perempuan di Malaysia, manakala 27,443 daripadanya berada di Sarawak. Statistik tersebut menggambarkan peranan besar wanita sebagai tonggak keluarga yang perlu diperkasakan melalui pendekatan menyeluruh merangkumi aspek ekonomi, sosial dan kesejahteraan emosi.

Program KasihniTa 2026 Peringkat Negeri Sarawak menerima sambutan yang amat menggalakkan apabila sebanyak 417 permohonan diterima dari seluruh negeri. Walau bagaimanapun, hanya 150 peserta berjaya dipilih bagi mengikuti program kali ini. Penyertaan yang memberangsangkan ini membuktikan kesungguhan ibu tunggal untuk terus menambah ilmu, meningkatkan kemahiran dan memperbaiki taraf kehidupan walaupun berdepan pelbagai cabaran termasuk kekangan masa, tanggungjawab keluarga serta faktor jarak dan mobiliti.

YB Menteri turut menegaskan bahawa Kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) akan terus memperkukuh pelbagai inisiatif pemerkasaan wanita, antaranya Program Kemahiran Penjanaan Pendapatan (KIRANA), Program Memberdaya Akar Umbi Wanita (MEKAR), Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) dan Skuad WAJA bagi memastikan wanita terus diberi peluang meningkatkan kapasiti diri serta memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan negara.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama agensi di bawahnya turut menyediakan pelbagai sistem sokongan komprehensif kepada wanita dan keluarga melalui Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) serta Perkhidmatan Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Sehingga Jun 2026, sebanyak empat program telah dilaksanakan oleh JPW di Sarawak dengan penyertaan seramai 1,134 peserta, mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan tiada wanita yang tercicir daripada arus pembangunan.

Mengakhiri ucapannya, YB Menteri menyeru agar semua peserta menjadikan Program KasihniTa sebagai titik permulaan untuk terus bangkit dengan penuh keyakinan dan keberanian dalam mengubah kehidupan diri serta keluarga. Beliau menegaskan bahawa KPWKM akan terus memastikan agenda memperkasa ibu tunggal kekal menjadi keutamaan supaya mereka bukan sahaja mampu berdikari, malah menjadi pemangkin kepada pembentukan keluarga yang lebih sejahtera dan masyarakat yang lebih inklusif serta berdaya tahan.

Turut hadir Ketua Pengarah JPW, YBrs Puan Hanani Sapit dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
19 JULAI 2026